**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA**
**DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG**
**YANG KEEMPAT BELAS**
**02 OGOS 2018**

**PERKARA: 4(B)(XXV)2**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR**
**YB. MUHAMMAD FAIZ BIN FADZIL**

2. Nyatakan perkembangan pembinaan sebuah sekolah menengah di Simpang Tiga Tok Elong Bukit Mertajam?

**YB. PROF. DR. P. RAMASAMY A/L PALANISAMY**
**MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

2. Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP) telah membuat perancangan bagi pembinaan sebuah sekolah kebangsaan dan sebuah sekolah menengah kebangsaan baharu di Simpang Tiga Tok Elong, Bukit Mertajam (Tanah Liat). Bagi tujuan tersebut, tanah seluas 6.2465 hektar telah selesai dibuat pengambilan balik pada tahun 2007.

   JPNPP seterusnya telah mengemukakan cadangan bagi pembinaan sekolah-sekolah tersebut di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK10) dan yang terkini di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK11) dan masih menunggu kelulusan peruntukan.